

Sukan

ANUGERAH ATLIT TERBAIK AKHBAR THE STRAITS TIMES

Sistem sokongan lebih menyeluruh bagi atlit dikekal

Wong: Pelaburan bukan 'sekali sahaja' tapi pelbagai usaha terus dijalankan bagi bantu atlit muda cemerlang dalam sukan

► ANWAR YAHYA
anwar@sph.com.sg

TAHUN istimewa ini – yang akan menyaksikan negara ini menjadi tuan rumah Sukan SEA buat kali pertama selepas lebih dua dekad – turut menyaksikan sistem sokongan yang lebih menyeluruh kepada atlit setempat termasuk dari segi kewangan, bantuan sains and perubatan sukan serta pelepasan masa untuk latihan.

Sistem sokongan yang lebih komprehensif bukan sekadar "sekali sahaja", sebaliknya bakal menjadi legasi yang berkekalan bagi merencanakan lagi sukan negara lama selepas temasya dwitahunan itu berakhir nanti.

Antara inisiatif bagi mencapai matlamat lebih besar itu – daripada sekadar memenangi pingat di Sukan SEA, kata Menteri Kebudayaan, Masyarakat dan Belia, Encik Lawrence Wong, ialah usaha yang sedang dijalankan bagi mengkaji semula sistem di Sekolah Sukan Singapura (SSP) bagi melihat bagaimana atlit-atlit muda dapat diberikan sokongan yang lebih baik bagi mereka cemerlang dalam sukan.

"Terdapat seluruh sistem yang menyokong atlit kita kerana tahun ini adalah tahun istimewa... tetapi kami tidak mahu ia sekali sahaja dan berakhir begitu sahaja selepas Sukan SEA nanti," ujar Encik Wong, semasa bercakap kepada media sempena majlis Anugerah Atlit Terbaik akhbar *The Straits Times* (ST) yang berlangsung di Hotel Raffles semalam.

"Sebaliknya, kami mahukannya sebagai usaha peningkatan secara sistematik bagi merangsang lagi sistem sukan prestasi tinggi dan itulah legasi yang kami mahu tinggalkan (selepas Sukan SEA berakhir nanti).

"Ia adalah pembangunan dan latihan sukan prestasi tinggi yang lebih komprehensif... lebih rancak... bagi membantu atlit-atlit muda kita mengejar impian mereka.

"Jadi apa yang menjadi harapan kami ialah mewujudkan sistem sokongan yang membolehkan mereka berlatih dengan gigih dan mengimbangi masa antara pela-



jaran dengan sukan, di samping mendorong mereka mengorak langkah sejauh mungkin mengembangkan bakat sukan mereka," tambah Encik Wong.

Antara idea bagi mencapai legasi itu ialah usaha yang giat dijalankan bagi mengkaji semula keberkesanan SSP dan bagaimana ia dapat memainkan peranan lebih baik bagi membantu atlit muda negara.

Antaranya, kata Encik Wong lagi, ialah menimbangkan "landasan lebih panjang" bagi para pelajarinya dengan mengembangkan lagi program 'through train' selama enam tahun yang sudah pun ditawarkan SSP, lebih banyak gabungan dengan politeknik/universiti setempat dan luar negara di samping mengenalkan program International Baccalaureate (IB).

Segala inisiatif itu bertujuan mewujudkan suasana pembelajaran yang dapat "merangkumi program latihan bagi membantu atlit berlatih dengan gigih dan memberi fokus untuk cemerlang dalam sukan".

"Jadi, segala pelaburan kami bukan sekali sahaja... hilang dan lenyap begitu sahaja sebaik berakhirnya Sukan SEA nanti.

"Sebaliknya, kami melabur untuk jangka panjang... untuk mempertingkatkan sistem yang lebih baik bagi mengimbangi tuntutan pelajaran dengan latihan.

"Segala pelaburan seperti Biasiswa Kecemerlangan Sukan (Biasiswa Spex) semuanya akan diteruskan dan saya percaya antara hasil yang dapat dilihat selepas berakhirnya Sukan SEA nanti ialah sistem sukan yang lebih komprehensif dan lebih rancak bagi menyokong atlit-atlit kita," tambah Encik Wong.